

07 APR 1999

Polis-Ganja

CUBAAN SELUDUP 78.5 KG GANJA BERNILAI RM390,000 DIPATAH

KOTA BAHARU, 7 April (Bernama) -- Polis mematahkan usaha sindiket pengedaran dadah untuk menyeludup masuk ganja ke negara ini apabila merampas sebanyak 78.5 kilogram ganja pada 31 Mac lepas.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd Yunus Othman berkata ganja bernilai kira-kira RM390,000 itu, rampasan terbesar di Kelantan sehingga ini tahun ini, ditemui dalam semak di Kampung Lubuk Gong, Rantau Panjang, 40 Km dari sini.

"Polis percaya dadah itu diseludup dari negara jiran oleh satu sindiket pengedaran dadah yang besar di negara ini.

"Ia dipercayai untuk pasaran di pantai barat Semenanjung Malaysia khususnya di sekitar Lembah Klang," katanya pada sidang berita di sini, hari ini.

Menurutnya tiada tangkapan dibuat setakat ini berikutan penemuan ganja itu yang dibungkus dalam lima bungkusan plastik hitam.

Beliau berkata ekoran maklumat daripada orang ramai, sepasukan sembilan anggota Jabatan Narkotik dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan telah menyiasat kawasan itu dan menemui bungkusan ganja yang disembunyikan di dalam semak itu.

Mohd Yunus berkata anggota polis itu kemudian bersembunyi di kawasan itu bermula pada 10 malam 30 Mac hingga pukul 6 pagi esoknya untuk mengesan dan menangkap anggota sindiket itu tetapi mereka tidak muncul.

Katanya, dengan rampasan terbaru itu polis Kelantan sehingga ini tahun ini telah merampas sebanyak 130.8 kg ganja bernilai RM654,000.

Beliau juga berkata bagi menangani isu penyeludupan dari negara jiran membabitkan dadah, senjata api dan kemasukan pendatang tanpa izin, polis dan pihak berkuasa lain akan meningkatkan gerakan "Ops Wawasan".

Katanya orang ramai juga diminta memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat kepada polis berhubung sebarang aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan dengan menghubungi IPK melalui talian 09-7472222 atau 09-7450999.

Mohd Yunus juga berkata sehingga ini polis telah memanggil tujuh saksi bagi membantu siasatan berhubung pita rakaman yang didakwa mengandungi arahan supaya pemimpin-pemimpin Umno termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dibunuh.

Katanya polis juga telah menerima tiga pita rakaman setakat ini yang sama kandungannya dalam kes itu.

Pada 19 Mac lepas, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali telah menyerah sebuah pita rakaman serta membuat laporan polis berhubung perkara itu.

"Polis akan menghantar pita rakaman itu ke IPK Kedah untuk proses pengecaman sama ada suara dalam pita itu sama dengan suara pemanggil kepada bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff," katanya.

Sebelum ini Osman melaporkan kepada polis bahawa beliau menerima panggilan telefon yang mengancam untuk membunuh Perdana Menteri.

Mohd Yunus berkata, polis Kelantan masih meneruskan siasatan dan sehubungan itu orang ramai yang memiliki pita rakaman seumpama itu diminta menyerahkannya kepada polis untuk membantu siasatan.

Katanya, mereka yang terlibat mengedar dan memiliki pita itu boleh didakwa mengikut Akta Hasutan 4(1) (c) yang jika disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda sehingga RM5,000 atau kedua-duanya.

-- BERNAMA

ANM NMO